

Ag. 27

U

## Lantai tingkat 5 bangunan runtuh, seorang pekerja maut, 2 parah

KUALA LUMPUR 3 Jan. – Seorang buruh warga Bangladesh terbunuh manakala dua lagi cedera parah apabila struktur lantai bangunan sebuah bank yang dalam pembinaan runtuh di Lorong Ang Seng 2, Brickfields, di sini malam ini.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi, Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Azizan Ismail berkata, pihaknya menerima panggilan pada pukul 10.39 malam sebelum menghantar dua jentera dari Balai Bomba Pusat Kuala Lumpur dan Pantai beserta 30 anggota ke tempat kejadian.

“Ketika kejadian, 13 pekerja sedang melakukan kerja-kerja meratakan lantai simen di tingkat lima bangunan yang sedang dalam pembinaan itu.

“Bagaimanapun, struktur

lantai tersebut tiba-tiba runtuh menyebabkan tiga daripada mereka jatuh manakala yang lain sempat berpaut di palang sokongan binaan,” katanya ketika ditemui pemberita di sini.

Menurutnya, kesemua mangsa yang cedera dihantar ke Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) untuk pemeriksaan lanjut.

“Mangsa yang terbunuh berumur dalam lingkungan 20-an manakala yang cedera terdiri daripada warga Indonesia dan Bangladesh berusia antara 20 hingga 30 tahun,” ujarnya.

Katanya, pasukan penyelamat turut menggunakan khidmat anjing pengesan untuk mencari mangsa yang dikhawatiri tertimbus dalam runtuhan berkenaan.

“Namun selepas sejam operasi dilakukan, tiada mangsa

terbaru ditemui terperangkap dalam runtuhan tersebut,” jelasnya.

Operasi berkenaan turut dibantu oleh anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan polis.

Azizan memberitahu, siasatan akan dilakukan ke atas struktur bangunan berkenaan bagi menentukan punca runtuhan.

Difahamkan projek tersebut melibatkan pembinaan bangunan setinggi 38 tingkat.

**STRUKTUR** lantai tingkat lima sebuah bangunan yang sedang dalam pembinaan runtuh, mengakibatkan seorang pekerja asing maut dan dua lagi cedera parah di Brickfields, Kuala Lumpur malam tadi.

— UTUSAN/ZAINI HUSIN

